

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	SINAR HARIAN
TARIKH	:	2/10/2019
JABATAN	:	BMG / JMG
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Desak henti operasi kuari haram

Kerajaan Pulau Pinang dan MBPP digesa bertindak segera

SYARATULHUDA
MOHAMMAD ROSLI

GEORGETOWN

Kerajaan Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) digesa mngambil tindakan tegas terhadap operator kuari granit haram di Teluk Bahang kerana memusnahkan alam sekitar di kawasan tersebut. Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meenakshi Raman berkata, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan segera untuk



MEENAKSHI

memberhentikan operasi selain mengheret operator kuari tersebut ke mahkamah. Menurutnya, selain itu operator kuari perlu memulihkan semula kawasan yang musnah akibat daripada operasi tersebut. "Kawasan di kuari tersebut didapati telah musnah dan terjejas akibat kerja-kerja yang dilakukan.



FOTO: GOOGLE MAPS

Kawasan kuari haram yang disyaki beroperasi di Teluk Bahang.

Kerajaan negeri dan MBPP perlu bertindak segera dengan membuat penyiasatan bukannya bertindak selepas isu disiaran melalui media. "Lebih mengecewakan,

kami mendapat tahu bahawa isu ini telah diketahui oleh pihak berkuasa sejak pendedahan dibuat pada Mei 2016. Walaupun sudah diketahui, kuari tersebut masih menjalankan

operasi seperti biasa. Malah mengeluarkan notis berhenti kerja pada Februari dan Mei lalu namun operator tidak mengendahkannya," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Meenakshi berkata, pihaknya kesal apabila tiada tindakan tegas diambil terhadap operator kuari yang tidak mematuhi notis pemberhentian kerja oleh MBPP.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pulau Pinang, Jagdeep Singh Deo berkata, MBPP telah mengeluarkan notis beberapa bulan lalu namun didapati operatornya masih berdegil.

"Saya difahamkan MBPP telah membuat laporan polis bulan lalu. Perkaranya ini akan dibawa ke Mesyuarat Exco Pulau Pinang."

"Mengikut peraturan jika operator gagal mematuhi notis maka kes ini akan dibawa ke mahkamah," katanya.